

BUKU PANDUAN PUSAT **KEBUDAYAAN**

Oleh;
**Pusat Kebudayaan (PKBU)
Universiti Malaysia Perlis**

SENARAI KANDUNGAN

A. PRAKATA

Aluan Editor	1
Aluan Pengarah	2

B. PROFIL JABATAN

Pengenalan	3
Carta Fungsi	4
Carta Organisasi	5
Butiran Perjawatan (Semasa)	6

C. FUNGSI-FUNGSI JABATAN

Senarai Fungsi Utama Jabatan	7
Prosedur / Garis Panduan	8

D. BUTIRAN JABATAN

15

A. PRAKATA

ALUAN EDITOR

Salam sejahtera dan salam Ilmu Keikhlasan dan Kecemerlangan UniMAP.

Saya dengan berbesar hati menghasilkan buku panduan ini sebagai panduan rasmi dari Pusat Kebudayaan (PKBU) UniMAP. Sebagai editor, tanggungjawab saya adalah memastikan bahawa setiap halaman menyampaikan maklumat dan panduan yang diterapkan dan diamalkan di jabatan ini.

Buku ini bukan hanya mengumpulkan garis panduan dan prosedur jabatan, namun manifestasi dari komitmen kami untuk mendukung, melindungi, dan memajukan kekayaan budaya dan warisan Melayu. Setiap maklumat yang dibukukan di sini adalah untuk menciptakan lingkungan yang mendukung perkembangan kebudayaan, memastikan warisan kita tetap hidup dan terus berkembang. Saya ingin menyampaikan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan keringat dalam penyusunan panduan ini.

Sebagai sebuah entiti yang merangkumi kepelbagaian dan kekayaan budaya, Pusat Kebudayaan (PKBU) UniMAP memegang peranan utama dalam mengekalkan, mempromosikan, dan menyambut warisan budaya. Panduan ini diharapkan menjadi bacaan wajib bagi warga Universiti Malaysia Perlis.

Terima kasih.

Yang benar,

EN. LIBREN FRANCIS DOUBLIN

Pegawai Kebudayaan

Pusat Kebudayaan (PKBU)

Universiti Malaysia Perlis

ALUAN PENGARAH

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Ilmu, Keikhlasan & Kecemerlangan UniMAP.

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan kehadiran Ilahi dengan nikmat yang diberikan kepada kita semua kerana masih lagi diberikan rezeki dan kesihatan yang baik bagi meneruskan perjuangan kehidupan seharian. Tahniah dan syabas kepada sidang editorial Buku Panduan Pusat Kebudayaan (PKBU) yang berjaya menyiapkan buku panduan dengan jayanya.

Selain daripada pembelajaran akademik, kesenian serta kebudayaan juga memainkan peranan yang besar bagi melahirkan modal insan yang bertamadun. Saya amat menggalakkan serta mendorong pelajar-pelajar untuk bergiat aktif dalam apa jua bidang kesenian dan kebudayaan yang mereka ceburi. Sebagai pendidik, kita tidak seharusnya membataskan bakat, kemahiran dan kebolehan pelajar kerana universiti adalah merupakan landasan yang sesuai untuk mereka mengembangkan bakat kesenian dan kepimpinan. Oleh yang demikian, dengan adanya Pusat Kebudayaan di UniMAP, kita dapat membantu mengasah, menggilap dan seterusnya membuka jalan kepada para pelajar untuk menyertai pelbagai pertandingan dan program kebudayaan yang dianjurkan oleh pihak UniMAP mahupun daripada agensi luar.

Sebelum saya mengakhiri ucapan aluan saya ini, saya amat berharap agar kita dapat mengangkat martabat seni warisan kebudayaan dan kesenian negara ke peringkat luar dan antarabangsa. Pusat Kebudayaan juga berhasrat untuk melahirkan pelajar dan generasi yang kreatif dan inovatif dalam aspek teknologi visual yang mampu untuk mengekalkan warisan tradisi kebangsaan sehingga akhir hayat. Sekian, terima kasih.

Yang benar,

DR. MAHYUN BINTI AB WAHAB

Pengarah

Pusat Kebudayaan (PKBU)

Universiti Malaysia Perlis

B. PROFIL JABATAN


Pengenalan

Unit Kebudayaan dan Rekreasi (UKR) Universiti Malaysia Perlis telah ditubuhkan pada 1 Mac 2005. UKR dinaiktaraf sebagai Pusat Kebudayaan (PKBU) secara rasminya pada bulan April 2020 selaras dengan penstrukturan baharu oleh pengurusan tertinggi UniMAP. PKBU bernaung di bawah pentadbiran Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA) sepenuhnya.


Ia ditubuhkan sejajar dengan misi dan visi UniMAP untuk melahirkan mahasiswa-mahasiswi berilmu, berinovatif, berkreatif, berbudaya serta dapat menghadapi cabaran globalisasi untuk memajukan diri, bangsa dan negara.



CARTA FUNGSI



CARTA ORGANISASI



BUTIRAN PERJAWATAN (SEMASA)

BIL	JAWATAN	TETAP	KONTRAK
1	Pegawai Kebudayaan B44	1	-
2	Pegawai Kebudayaan B41	1	-
3	Pegawai Kebudayaan B32	1	-
4	Artis Budaya B29	1	-
5	Artis Budaya B22	1	-
6	Pembantu Tadbir Kanan N22	1	-
7	Ahli Muzik B22	2	-
8	Artis Budaya B22	1	-
9	Ahli Muzik B19	1	-
10	Artis Budaya B19	-	9
JUMLAH		10	9

C. FUNGSI-FUNGSI JABATAN

SENARAI FUNGSI UTAMA JABATAN

- Melaksanakan program-program berbentuk seni dan budaya kepada para pelajar.
- Melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan, pendokumentasian dan penerbitan, bimbingan seni budaya, pembangunan modal insan mahir dalam bidang seni budaya, pengembangan seni budaya, pengukuhan seni budaya, pembangunan produksi dan artistik dan promosi seni budaya.
- Membina jaringan kerjasama yang berkesan antara pemain industri seni budaya, agensi Kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaan dan penggiat seni budaya dari dalam dan luar negara.
- Menyediakan landasan untuk penggiat seni terlibat dalam bidang ekonomi melalui aktiviti seni budaya.
- Memperkukuhkan aktiviti seni dan budaya yang bersesuaian sebagai tarikan kepada rakyat Malaysia dan juga luar negara.

GARIS PANDUAN

PENILAIAN RISIKO AKTIVITI BERBENTUK SENI KEBUDAYAAN DAN HIBURAN

- Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Risiko (JPR) hanya akan diadakan jika menerima permohonan bagi program yang berskala risiko tinggi (H) atau ekstrim (E) sahaja. Mesyuarat akan dijadualkan tiga minggu selepas permohonan diterima. Oleh itu, penganjur digalakkan untuk menyerahkan permohonan lengkap beserta kertas kerja selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum cadangan tarikh program.
- Had penerimaan risiko ditentukan berdasarkan soal selidik yang diberi kepada penganjur program berkenaan program yang akan dianjurkan. Jawatankuasa Penilaian Risiko (JPR) akan menentukan sama ada sesuatu risiko boleh diterima dan dilaksanakan dengan kawalan tindakan yang minima, atau melakukan pemantauan yang ketat terhadap program yang berisiko tinggi atau tidak diterima sama sekali. Penilaian tahap risiko adalah berdasarkan penggunaan Garis Panduan Acara dan Persembahan Hiburan Negeri Perlis dan pengisian Borang Permohonan Penilaian Risiko (seperti di Lampiran B). Penilaian tersebut adalah di peringkat Sekretariat JPR.
- Sebarang program anjuran pelajar yang diklasifikasikan berada di skala tahap risiko Medium (M) dan Low (L) oleh Sekretariat Jawatankuasa Penilaian Risiko, kertas kerja dan permohonan tersebut akan dimajukan terus ke Unit Aktiviti Pelajar, Antarabangsa dan Debat, Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar untuk tindakan selanjutnya.
- Sebarang program anjuran pelajar yang diklasifikasikan berada di skala tahap risiko High (H) dan Extreme (E) mestilah dibawa dan dibentangkan ke mesyuarat JPR dan ditentukan sama ada program tersebut dapat dijalankan dengan kawalan atau tidak dibenar untuk dianjurkan. Bagi program berskala tahap risiko High (H) dan Extreme (H) yang diluluskan, program tersebut akan dipantau oleh Jabatan Keselamatan UniMAP dan Pusat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan (COSHE) UniMAP.

GARIS PANDUAN


PENILAIAN RISIKO AKTIVITI BERBENTUK SENI KEBUDAYAAN DAN HIBURAN

TAHAP RISIKO	SKALA TAHAP RISIKO	PENERANGAN TAHAP RISIKO	HAD PENERIMAAN RISIKO
Extreme (E)	9 - 10	Risiko sangat tinggi, pelan tindakan terperinci diperlukan. Acara hiburan yang melibatkan persembahan 'Live Band' seperti konsert dan yang seumpama dengannya.	Risiko harus dipertimbangkan di mesyuarat JPR dan diberi pemantauan yang ketat
High (H)	6 - 8	Risiko tinggi, diberi perhatian dan pemantauan dari JPR. Acara hiburan yang melibatkan persembahan 'busking', atau nyanyian 'minus one', atau tarian.	Risiko harus dipertimbangkan di mesyuarat JPR dan diurus oleh pihak yang bertanggungjawab
Medium (M)	3 - 5	Risiko sederhana, diurus dan diberi perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab. Acara hiburan yang melibatkan pementasan teater atau lakonan.	Risiko boleh diterima tanpa mesyuarat JPR
Low (L)	0 - 2	Risiko rendah, diuruskan mengikut prosedur sedia ada. Acara hiburan seperti deklamasi sajak, puisi, syair dan yang seumpama dengannya.	

GARIS PANDUAN

PENILAIAN RISIKO AKTIVITI BERBENTUK SENI KEBUDAYAAN DAN HIBURAN

CARTA ALIR PERMOHONAN JAWATANKUASA PENILAIAN RISIKO



GARIS PANDUAN

PERMOHONAN DAN PEMINJAMAN PERALATAN MUZIK DAN KOSTUM BUSANA

- Sebarang urusan peminjaman/penyewaan peralatan muzik/kostum busana adalah pada waktu bekerja sahaja iaitu dari 8:30 pagi sehingga 4:00 petang.
- Sekiranya peralatan muzik/kostum busana yang ingin disewa/dipinjam adalah untuk digunakan di luar waktu bekerja iaitu pada sebelah malam atau pada hujung minggu, urusan pengambilan barang hendaklah dilakukan pada waktu bekerja dan pemohon adalah bertanggungjawab untuk memastikan barang tersebut berada dalam keadaan yang baik dan terjaga.
- Pemohon perlu membuat permohonan selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh peminjaman/penyewaan peralatan muzik/kostum.
- Pemohon perlu mengisi borang peminjaman peralatan muzik/kostum busana PKBU yang disediakan oleh PKBU dan memberi deposit sebagai jaminan. Wang deposit tersebut akan dipulangkan setelah pemohon memulangkan semula barang yang dipinjam dalam kondisi yang baik seperti asal.
- Bayaran deposit bagi pinjaman peralatan muzik adalah sebanyak RM 50.00, manakala RM 30.00 bagi sewaan kostum busana. Jumlah deposit ini adalah tetap bagi semua pemohon sama ada dari pihak luar atau pihak dalaman. Jika berlaku sebarang kerosakan, wang deposit itu tidak akan dipulangkan dan pemohon perlu membayar denda dan ganti rugi terhadap sebarang kerosakan atau kehilangan peralatan yang dipinjam/disewa. Harga denda dan ganti rugi adalah bersamaan dengan harga peralatan muzik/kostum busana yang dipinjam.

GARIS PANDUAN


PERMOHONAN DAN PEMINJAMAN PERALATAN MUZIK DAN KOSTUM BUSANA

- Kadar bayaran bagi setiap pinjaman/sewaan adalah berbeza bagi pemohon dari pihak luar, pemohon dalam kalangan staf UniMAP, dan pemohon dalam kalangan pelajar UniMAP.
- Pemohon perlu membuat pembayaran secara tunai beserta bayaran deposit kepada pegawai yang bertanggungjawab sebelum peralatan muzik/kostum busana diambil untuk dipinjam/disewa.
- Pemohon perlu menggunakan peralatan muzik/kostum busana dalam masa yang dibenarkan seperti yang diisi dalam borang permohonan dan dikembalikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Denda akan dikenakan sekiranya pemohon lewat menyerahkan peralatan muzik/kostum iaitu sebanyak RM 5.00 sehari.
- Pemohon adalah bertanggungjawab terhadap keadaan, keselamatan, kerosakan, atau kehilangan peralatan yang dipinjam/disewa.
- Bagi kostum busana yang disewa, kostum tersebut hendaklah dipulangkan terus seperti kondisi asal tanpa sebarang pembersihan atau dobi.

GARIS PANDUAN

PERMOHONAN DAN PEMINJAMAN PERALATAN MUZIK DAN KOSTUM BUSANA

CARTA ALIR PERMOHONAN PENYEWAAN KOSTUM BUSANA/PERALATAN MUZIK PUSAT KEBUDAYAAN



GARIS PANDUAN

PEMILIHAN PELAJAR MEWAKILI PROGRAM KEBUDAYAAN DALAM DAN LUAR UNIVERSITI

- Pihak PKBU berhak untuk memilih pelajar yang berpotensi dan bersesuaian bagi apa-apa program atau pertandingan kebudayaan.
- Pihak PKBU perlu membuat pemilihan dengan adil dan menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan.
- Pelajar merupakan pelajar berdaftar Universiti Malaysia Perlis dan berstatus aktif.
- Pelajar berumur sekurang-kurangnya 18 tahun ke atas.
- Pelajar mempunyai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 2.00.
- Pelajar adalah bebas dari sebarang isu tatatertib.
- Pelajar pernah mewakili fakulti dalam apa-apa pertandingan pada Festival Kebudayaan Antara Fakulti, atau/dan mempunyai bakat yang diperakui oleh jurulatih.

D. BUTIRAN JABATAN



Pusat Kebudayaan UniMAP (PKBU)
Bangunan JHEPA, Universiti Malaysia Perlis
Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra



<https://pkbu.unimap.edu.my>



pkbu@unimap.edu.my

Pusat Kebudayaan Universiti Malaysia Perlis



@pkbu_unimap



@pkbu_unimap2021

